

NEGERI SEMBILAN terletak di sebelah pantai barat Semenanjung Malaysia. Jaraknya hanya 50 km dari Kuala Lumpur dengan keluasan lebih kurang 6645 km persegi. Ibu negerinya Seremban, terletak di laluan lebuhraya Utara-Selatan yang memudahkan kunjungan pelancong ke negeri ini. Satu keunikan Negeri Sembilan adalah adat perpatih yang masih diamalkan oleh sebahagian penduduknya yang asal keturunannya dari Minangkabau, Sumatera. Unsur seni bina Minangkabau yang berkonsep tanduk kerbau juga banyak mempengaruhi seni bina bangunan di negeri ini. Terdapat banyak tarikan semula jadi yang sentiasa menjadi perhatian pengunjung terutama di sepanjang pantai. Kedudukannya yang berhampiran dengan Kuala Lumpur juga mempengaruhi rentak pembangunan dan kemodenan terutamanya di Seremban. Marilah kita menjelajah tempat-tempat menarik yang terdapat di negeri ini serta kemudahan yang disediakan bagi memberi kepuasan yang maksimum kepada semua pengunjung.

Tempat utama yang sentiasa menjadi tumpuan sudah tentulah ibu negerinya, Seremban. Ia mudah dihubungungi terutama melalui jalan raya dan kereta api. Stesen bas dan teksinya yang baharu dengan bangunan moden dan kemudahan terkini memberi keselesaan yang diidami oleh pengguna. Dari stesen inilah pengunjung

Negeri Sembilan

Teguh Menjunjung Adat

Oleh ABD. RAHMAN ARIPIN

Foto Ihsan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

boleh mendapatkan perkhidmatan bas dan teksi ke mana-mana di seluruh Negeri Sembilan dengan kadar bayaran yang ditetapkan.

Pusat beli-belah juga banyak terdapat di bandar ini. Kompleks beli-belah yang moden dan besar mula berdiri megah di sini seiring dengan arus pembangunan yang melanda seperti The Store, Parkson, Seremban City Square, Seremban Parade, dan Centre Point. Harga yang ditawarkan berpatutan dengan menampilkan pelbagai barangan rumah, harian, hiasan, juga barangan bebas cukai, seperti jam tangan dan peralatan kamera.

Kemudahan hotel dan penginapan sewaan yang lain juga nampakkan perkembangan

annya. Dengan kadar sewaan yang bertaraf mewah sehinggalah yang murah harganya sedia menanti pengunjung. Antara hotel terbaharu dan bertaraf sederhana adalah hotel Seri Malaysia yang terletak di laluan utara ke Seremban.

Kompleks Budaya Kraftangan memang tempat yang menarik lagi unik. Terletak berhampiran dengan Jalan Labu, keluasan kompleks ini meliputi empat hektar. Keunikan kompleks ini terletak pada seni bina bangunannya yang memperlihatkan keaslian dan kehalusan reka bentuk bangunan yang berciri seni bina tradisional Minangkabau. Pelbagai barangan kraftangan dan artifak bersejarah dipamerkan di kompleks ini bagi memelihara dan menghebahkan kekayaan adat resam tradisi Negeri Sembilan.

Muzium Negeri juga ada didirikan di kawasan kompleks ini untuk menarik lebih banyak pencinta sejarah. Bangunan muzium ini asalnya

Istana Seri Menanti, Muzium Diraja dibina dengan kaedah pasak melambangkan kekayaan tradisi Negeri Sembilan.

adalah sebuah istana kayu lama yang dibaik pulih untuk tatapan masyarakat umum. Dibina keseluruhannya daripada kayu, ia mempamerkan bermacam-macam artifak lama lagi bersejarah zaman pemerintahan raja terdahulu di Negeri Sembilan. Barangan pameran termasuklah senjata, barangan tembaga, dan barangan perak. Turut dipamerkan adalah gambar istiadat perkahwinan diraja.

Satu lagi mercu tanda di Seremban ialah Masjid Negeri. Seni binanya juga berciri seni bina Melayu. Keistimewaan seni bina masjid ini sudah pasti terletak pada sembilan menaranya yang melambangkan sembilan daerah yang terdapat di negeri ini, di samping mempunyai pemandangan yang menyegarkan menghadap kehijauan Taman Tasik Seremban.

Taman Tasik Seremban, kawasan yang mengekalkan kehijauan alam semula jadi di tengah-tengah kemodenan bandar. Di sinilah penduduk tempatan dan pencinta kesegaran alam menikmati dan menerokai susun atur pepohonan bunga dan landskap yang menyegarkan mata memandang. Laluan untuk jogging dan taman permainan ada disediakan untuk kemudahan pengunjung berehat sambil berekreasi.

Di kawasan Taman Tasik ini juga tersergam sebuah bangunan lama yang kini digunakan sebagai perpustakaan negeri. Dahulu, bangunan ini merupakan bangunan sekretariat negeri. Ia dibina pada tahun 1912 oleh B.P. Habback dari Britain. Bangunan ini masih kekal dengan seni binanya yang berunsur seni bina Inggeris yang tersendiri.

Setelah puas berada di Seremban, pengunjung tidak harus pula lupa pada satu lagi tarikan utama pelancong ke Negeri Sembilan, iaitu pantai Port Dickson. Lebih popular dengan panggilan PD, ia terletak hanya 32 km dari Seremban. Pantai Port Dickson me-



Muzium Negeri di Kompleks Budaya Kraftangan mempamerkan kehalusan adat resam masyarakat Negeri Sembilan.

mang terkenal di kalangan penduduk tempatan sebagai tempat melepaskan

yang meliputi keluasan sepanjang 18 km merupakan salah satu pantai yang terbaik di sebelah pantai barat. Pesisiran pantainya yang bersih dan nyaman disulami dengan tanaman pepohonan ru yang sentiasa bergoyang dibuai tiupan angin laut Selat Melaka.

Port Dickson akan mencernakan suasana yang riang dan gembira pada bulan Ogos setiap tahun apabila berlangsungnya Pesta Port Dickson. Semasa pesta ini, pelbagai acara sukan air dipertandingkan untuk orang ramai, diiringi dengan persembahan kebudayaan dan pameran kraftangan.

Lokasi paling popular untuk berkelah di Port Dickson ialah Blue Lagoon. Terletak 15 km dari pekan Port Dickson, Blue Lagoon terkenal kerana persekitarannya yang menghijau dan air lautnya yang membiru. Kawasan ini



Kolam Air Panas Pedas yang dipercayai dapat menyembuhkan penyakit kulit.

lelah dan menghindari kesibukan kota pada hujung minggu. Pantainya



Port Dickson, popular kerana pantainya yang indah, tumpuan penduduk tempatan dan pelancong.

sesuai untuk aktiviti berenang, menaiki bot, luncur angin, dan ski air. Di sinilah keseronokan bermula bagi pengunjung yang mengharapkan keterikan sinaran cahaya matahari.

Tidak jauh dari Blue Lagoon ini pula terletak Tanjung Tuan yang dahulunya dikenali sebagai Cape Rachado. Tarikan utama di sini adalah sebuah rumah api lama yang didirikan puluhan tahun dahulu menghadap Selat Melaka. Jika hari cerah, pengunjung boleh menikmati pemandangan bandar Port Dickson dan jaluran pinggir Pulau Sumatera dari puncak rumah api ini.

Bersesuaian dengan jaluran pantainya yang lebar, kepelbagaian jenis penginapan juga banyak didirikan di sepanjang kawasan yang berhampiran dengannya. Penginapan yang sentiasa menanti pengunjungnya termasuklah daripada hotel dan pangsapuri yang menyediakan kemudahan serba mewah hinggalah kepada calet kecil yang disediakan oleh penduduk tempatan. Kemudahan penginapan memang tidak menjadi masalah di Port Dickson.

Keseronokan bersantai di Port Dickson patut diteruskan dengan melawat pula Kubu Kempas yang terletak 23 km dari Port Dickson. Tarikan utama di sini adalah

sebuah perkuburan yang dipercayai bersemadanya Ulama Syekh Ahmad Makhtum, seorang pejuang dari Keramat Ujong Pasir. Kubur ini istimewa kerana di sini terdapat sebuah batu bersurat yang mengisahkan sejarah kehidupan dan perjuangannya.

Sebuah kubu yang patut dilawati terletak 30 km dari Seremban. Kubu Lukut, begitulah nama yang diberi dan dipercayai dibina antara tahun 1826 hingga 1827 semasa meluasnya usaha perlombongan bijih timah di negeri ini. Raja Jumaat, orang yang membina kubu ini, bertujuan menjadikannya perlindungan pada zaman yang tidak menentu keamanannya. Kini ia merupakan tarikan pelancong; ada yang mengadakan aktiviti merentasi de-

“
Kunjungan ke Negeri Sembilan tidak sempurna jika tidak meneruskan perjalanan ke Sri Menanti. Di sinilah terdiri dengan megahnya sebuah istana raja Melayu lama yang dikenali sebagai Istana Sri Menanti.
”



Antara taman rekreasi yang dijadikan kawasan ekopelancongan.

retan tanaman getah dan kelapa sawit untuk sampai di sini.

Untuk menikmati keindahan alam semula jadi pula, pengunjung hanya perlu pergi ke Taman Rekreasi Ulu Bendul yang terletak 16 km dari Seremban. Lokasinya di laluan Kuala Pilah-Sri Menanti, di kaki Bukit Angsi menjelmakan kesejukan dan kejernihan air sungai. Taman ini adalah salah satu daripada enam Taman Rekreasi di Negeri Sembilan yang dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan. Tidak hairanlah suasana kehijauan semula jadi yang mengelilingi kawasan ini dipelihara bagi memuaskan mata yang memandang. Bagi pelawat yang menggemari aktiviti yang lebih mencabar, treking dalam hutan boleh dila-

kukan di samping berendam di dalam sungai yang menyegarkan.

Pelawat juga berpeluang menikmati keistimewaan Kolam Air Panas yang terletak di daerah Rembau, yang jaraknya juga hanya 16 km dari Seremban. Air panasnya yang terbit dari dasar bumi ini memang dipercayai boleh menyembuhkan penyakit, terutama penyakit kulit. Perjalanan ke kolam air panas akan membawa pelawat merentasi perkampungan Melayu yang masih mengekalkan ciri kehidupan tradisional.

Kunjungan ke Negeri Sembilan tidak sempurna jika tidak meneruskan perjalanan ke Sri Menanti. Di sinilah terdiri dengan megahnya sebuah istana raja Melayu lama yang dikenali sebagai Istana Sri Menanti. Istana ini memang menampilkan keistimewaan dan

kekayaan tradisi Negeri Sembilan zaman silam. Dibina bagi menggantikan istana lama yang musnah terbakar pada awal abad ini, kini ia menjadi tarikan pelancong. Istana yang kini dijadikan Muzium Diraja dahulunya merupakan tempat kediaman keluarga diraja hingga tahun 1931 apabila ia dirasakan tidak bersesuaian lagi dengan perkembangan semasa. Direka bentuk oleh dua orang pakar

ukiran kayu, Tukang Kahar dan Tukang Taib, istana lama ini telah disiapkan dalam tempoh enam tahun pada tahun 1908 tanpa menggunakan walau sebatang paku atau skru. Bertiangkan 99 batang tiang yang melambangkan 99 orang pahlawan dari pelbagai luak, istana ini kini menjadi bahan kajian dan penyelidikan penuntut universiti yang membuat pengajian seni bina.

Dengan tempat-tempat menarik yang terdapat di Negeri Sembilan pengunjung tidak harus melepaskan peluang melawat negeri ini di samping mendalami dan memahami adat perpatihnya yang unik berciri adat Minangkabau yang tidak terdapat di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. ■